

## KEMPEN DEPOSIT HONG LEONG MENANGI KONDOMINIUM LAKEFRONT 2018

Last updated on 17 January 2018

### TEMPOH PERADUAN

“Kempen Deposit Hong Leong Menangi Kondominium Lakefront” (“Peraduan”) Hong Leong Bank Berhad (97141-X) (“HLB”) / Hong Leong Islamic Bank Berhad (686191-W) (“HLISB”) bermula pada **22 Januari 2018** dan berakhir pada **31 Mei 2018**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Peraduan”), melainkan diberitahu sebaliknya. HLB dan HLISB secara kolektif dikenali sebagai “Bank”.

### TERMA & SYARAT

Terma dan syarat Peraduan adalah seperti berikut:-

### KELAYAKAN

1. Peraduan terbuka kepada seluruh pelanggan individu Bank baharu dan sedia ada yang merupakan Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad (kedua-duanya seperti ditakrif dalam Fasal 2 di bawah (“**Pelanggan**”), melainkan diberitahu sebaliknya).
2. Peraduan terbuka kepada Akaun Semasa dan Simpanan / Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i (“CASA/ CASA-i”) Bank serta juga Kad Debit / Kad Debit-i dan kriteria kelayakan untuk menyertai Peraduan adalah seperti berikut:

#### CASA/-i

- (i) Peraduan terbuka kepada seluruh pelanggan individu Bank warga Malaysia sahaja yang merupakan Pemegang Akaun Utama CASA/CASA-i, tidak termasuk pelanggan Perbankan Persendirian (“Pemegang Akaun”).
- (ii) Peraduan **TIDAK** terbuka kepada Pemegang Akaun bukan warga Malaysia dan bukan pelanggan individu termasuk empunya tunggal, perkongsian, amalan profesional, syarikat dan badan korporat.
- (iii) Peraduan boleh disertai oleh seluruh Pemegang Akaun baharu dan sedia ada bagi akaun-akaun berikut (“Akaun Sertaan”):
  - (a) Akaun Simpanan Asas Hong Leong
  - (b) Akaun Simpanan Asas-i Hong Leong
  - (c) Akaun Simpanan-i Multi-tier Hong Leong
  - (d) Akaun Simpanan Hong Leong
  - (e) Akaun Simpanan-i Hong Leong
  - (f) Akaun Semasa Asas Hong Leong
  - (g) Akaun Semasa Hong Leong
  - (h) Akaun Simpanan Senior Savers Hong Leong
  - (i) Akaun Simpanan Harvest Hong Leong
  - (j) Akaun Pay&Save Hong Leong
  - (k) Akaun Pay&Save-i Hong Leong
  - (l) Akaun SmartLink Hong Leong
  - (m) Akaun Top Yield Hong Leong
  - (n) Akaun One Hong Leong
  - (o) Akaun Semasa One-i Hong Leong
  - (p) Hong Leong Payroll Plus-i
  - (q) Akaun Deposit Tabung Duit Hong Leong

Bagi mengelakkan keraguan, semua Akaun Sertaan CASA/CASA-i yang dinyatakan dalam Fasal 2 (iii) di atas adalah layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).

#### Kad Debit / Kad Debit-i

- (i) Peraduan terbuka kepada Pemegang Kad Debit Bank warga Malaysia (“Pemegang Kad”).
- (ii) Pemegang Kad yang berikut ini **TIDAK** layak menyertai Promosi:
  - (a) Kad Debit Bank yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;

- (b) Pemegang Kad yang merupakan pemastautin bukan warga Malaysia;
  - (c) Pemegang Kad yang akaun Kad Debit / Kad Debit-i mereka TIDAK berkedudukan baik, tak aktif, dipautkan kepada CASA/CASA-i yang sudah ditutup atau tak aktif atau melanggar mana-mana terma dan syarat Bank pada bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan dan/sebelum 1 September 2018;
  - (d) Pemegang Kad yang Kad Debit / Kad Debit-i mereka dipercayai telah dikendalikan secara tipu, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Debit / Kad Debit-i mereka tak sah atau dibatalkan menurut takrif Bank pada bila-bila masa antara 22 Januari 2018 hingga 1 September 2018; dan
  - (e) Pemegang Kad yang merupakan pelanggan Perbankan Persendirian Bank.
3. Pemegang Akaun dan/atau Pemegang Kad yang merupakan kakitangan Bank sama ada secara tetap atau kontrak, kakitangan mana-mana wakil atau ejen Bank (termasuk juruaudit luar, vendor, pembekal, ejen pengiklanan dan peraduan) dan ahli-ahli keluarga terdekat masing-masing (contohnya, pasangan, anak-anak, ibu atau bapa, adik-beradik) **TIDAK** layak menyertai Peraduan.
4. Pelanggan yang telah melakukan atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh Bank atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada Bank atau institusi kewangan yang lain atau oleh mana-mana pihak ketiga (ke-3) atau bakal dikenakan prosiding kemuflisan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Peraduan **TIDAK** layak menyertai Peraduan.

### **KAEDAH PERADUAN**

5. Untuk mendapatkan penyertaan dalam Peraduan ini, Pelanggan MESTI memenuhi salah satu Kriteria Peraduan seperti dinyatakan dalam jadual di bawah ("Pelanggan Layak") semasa Tempoh Peraduan supaya boleh memenangi Hadiah Utama, Hadiah Khas, atau Angpau (secara kolektif disebut "Hadiah" dan masing-masingnya seperti ditakrif dalam Fasal 33, 45 dan 52 di bawah) :

Kriteria Peraduan	Penyertaan Peraduan
Membuka CASA/CASA-i baru dengan deposit minimum Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) <b>DAN</b> memohon Kad Debit/Kad Debit-i	2
Deposit Tambahan (seperti ditakrif dalam Fasal 10 di bawah) sebanyak Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500) ke dalam Akaun Sertaan	1
Dua (2) bulan gaji berturut-turut dikreditkan ke dalam akaun Gaji ( <i>berkenaan Pay&amp;Save/Pay&amp;Save-i dan Akaun Simpanan/Akaun Simpanan-i sahaja</i> ) dengan setiap amaun tambahan sebanyak Ringgit Malaysia Satu Ribu Lima Ratus (RM1,500) (yakni RM1,500 bagi bulan pertama dan RM1,500 bagi bulan seterusnya)	10

6. Untuk membolehkan Pelanggan Layak memperolehi lebih banyak penyertaan Peraduan, Pelanggan mestilah memenuhi salah satu Kriteria Peraduan dalam jadual yang diberi dalam Fasal 5(a) di atas **DAN** salah satu yang berikut:
- (a) **Lima (5)** penyertaan diperolehi bagi pendaftaran Hong Leong Connect DAN e-penyata yang berjaya (dengan syarat Pelanggan tidak mempunyai pendaftaran Hong Leong Connect dan e-penyata sebelum Tempoh Peraduan) atau;
  - (b) **Five (5)** penyertaan diperolehi bagi peletakan (minima RM10,000) Deposit Tetap/-i ("FD/FD-i"), Kad Kredit, Gadai Janji, Pinjaman Peribadi, Pinjaman Auto, permohonan Pembiayaan Syer, Pelaburan (lihat Lampiran 1), Bancassurance (Hong Leong SMART5 Insurance, Hong Leong SMART Value Insurance, Hong Leong SMART Cash Insurance, Prestige Life)\* promo baharu, atau ;
  - (c) **Satu (1)** penyertaan diperolehi bagi perbelanjaan minimum **Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10)** dalam satu resit menggunakan Kad Debit/Kad Debit-i Hong Leong atau;
  - (d) **Satu (1)** penyertaan diperolehi bagi pindahan minimum **Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10)** dalam satu resit menggunakan PEx
- \* Sila layari laman web Bank untuk permohonan mengenai klausula 6(b)
7. Penyertaan peraduan akan dihadkan kepada **sepuluh (10)** penyertaan diperolehi sehari bagi setiap Pelanggan Layak sepanjang Tempoh Peraduan.
8. Bagi tujuan Peraduan ini, deposit permulaan mestilah Dana Baharu. Bagi mengelakkan keraguan, Dana Baharu di takrif sebagai:

- (a) Wang tunai, GIRO antara bank, dana baharu yang diterima melalui pindahan telegraf daripada bank lain, cek tempatan atau cek jurubank yang dikeluarkan oleh bank lain yang didepositkan ke dalam CASA/CASA-I yang baru dibuka; and
- (b) Hasil penebusan ekuiti, dana unit amanah, bon/sukuk dan/atau Hong Leong Invest Safe semasa Tempoh Peraduan yang didepositkan semula ke dalam CASA/CASA-I yang baru dibuka.
9. Yang berikut ini tidak dianggap sebagai "Dana Baharu":
- FD/FD-i yang matang atau pengeluaran pramatang mana-mana akaun FD/FD-i sedia ada;
  - Pindahan dana intra bank, iaitu pindahan dana daripada akaun HLB / HLISB CASA/CASA-I, FD/FD-i yang lain atau Akaun Pelaburan Am ("GIA"); dan
  - Pindahan antara cawangan di dalam HLB dan HLISB termasuk pindahan pihak ketiga (ke-3).
10. Deposit Tambahan ditakrif sebagai Baki Purata Harian ("DAB") dalam Akaun Sertaan sepanjang Tempoh Peraduan, tolak baki penutup pada 21 Januari 2018. Bagi Akaun Sertaan baharu yang dibuka semasa Tempoh Peraduan, asas pengiraan Deposit Tambahan ialah **Ringgit Malaysia sifar (RM0)**.
- Akaun Sertaan sedia ada dibuka sebelum 21 Januari 2018
- $$DAB = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Peraduan}}{130 \text{ hari}}$$
- Deposit Tambahan = DAB – Baki penutup pada 21 Januari 2018.**
- Akaun Sertaan Baru dibuka semasa Tempoh Peraduan
- $$DAB = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup harian sepanjang Tempoh Peraduan sejak dibuka}}{\text{Bilangan hari Tempoh Peraduan sejak dibuka}}$$
- Deposit Tambahan = DAB**
11. Transaksi Kad Debit/Kad Debit-i bagi tujuan seperti diperuntukkan dalam Fasal 6(c) di atas adalah termasuk pembelian di tempat jualan, pembelian dalam talian, pengebilhan automatik dan pembelian di tempat jualan luar negara tetapi tidak termasuk transaksi yang berikut:
- Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, berunsur penipuan atau menyalahi undang-undang;
  - Pembayaran Fi Pengeluaran/Fi Tahunan/Fi Pembaharuan Kad Debit; dan
  - Apa-apa bentuk lain perkhidmatan atau fi pelbagai (termasuk Caj Penalti) yang dikenakan oleh Bank.
12. Pembelian dalam talian bermaksud apa-apa transaksi runcit dalam talian yang dibuat dalam Ringgit Malaysia ("RM") atau mata wang asing. Transaksi runcit dalam talian yang dibuat dalam mata wang selain RM akan ditukar kepada dan dikira dalam RM berdasarkan kadar pertukaran yang ditentukan oleh Bank pada masa transaksi.
13. Bank akan menjalani Penyertaan Peraduan Pelanggan Layak secara automatik pada penghujung Tempoh Peraduan berdasarkan jumlah transaksi melalui pemenuhan Kriteria Peraduan, yang dimasukkan dan dicatatkan dalam sistem Bank. Borang penyertaan Peraduan atau pendaftaran penyertaan tidak diperlukan.
14. Bagi Pelanggan yang mempunyai berbilang Akaun Sertaan, penyertaan Peraduan yang diperolehi atas setiap Akaun Sertaan dianggap tersendiri dan tidak boleh dihimpunkan untuk mengira jumlah penyertaan Peraduan yang dierolehi semasa Tempoh Peraduan.
15. Bagi Pelanggan Layak yang mempunyai lebih daripada satu (1) transaksi Kad Debit/Kad Debit-i, Kad Debit/Kad Debit-i atas setiap Kad Debit/Kad Debit-i dianggap tersendiri dan tidak boleh dihimpunkan untuk mencukupkan jumlah transaksi Kad Debit/Kad Debit-i Peserta Layak.
16. Akaun Sertaan Pelanggan Layak dan/atau Kad Debit/Kad Debit-i mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** dari 22 Januari 2018 hingga **1 September 2018** bagi tujuan syarat pemenuhan Hadiah. Jika sekiranya Akaun Sertaan ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada bila-bila masa antara 22 Januari 2018 hingga **1 September 2018**, maka Pelanggan Layak akan terlucut kelayakannya daripada menerima Hadiah.

## **PEMILIHAN DAN PEMENUHAN PEMENANG PERADUAN**

17. **Dua puluh (20)** Pelanggan Layak akan dipilih secara rambang dan ditapis selepas tamatnya Tempoh Peraduan untuk memilih pemenang Hadiah Utama (“Pelanggan Layak Ditapis untuk Hadiah Utama”), **Satu Ratus (100)** Pelanggan Layak akan dipilih secara rambang dan ditapis selepas tamat Tempoh Peraduan untuk memilih pemenang Hadiah Khas (“Pelanggan Layak Ditapis untuk Hadiah Khas”) dan **Tujuh Ratus (700)** Pelanggan Layak akan dipilih secara rambang dan ditapis untuk memilih pemenang Hadiah Angpau (“Pelanggan Layak Ditapis untuk Angpau”) seperti tertera di bawah;

Hadiah	Bilangan Pelanggan Ditapis
Hadiah Utama	20
Hadiah Khas	100
Hadiah Angpau	700
<b>Jumlah</b>	<b>820</b>

Pelanggan Layak Ditapis untuk Hadiah Utama, Pelanggan Layak Ditapis untuk Hadiah Khas dan Pelanggan Layak Ditapis untuk Angpau secara kolektif dikenali sebagai “Pelanggan Layak Ditapis”.

18. Pelanggan Layak Ditapis akan dihubungi oleh Bank atau Pengurus Promosi lantikannya, Dynamic Search Sdn. Bhd. (136574V) (“Dynamic Search”) atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon terkini yang diberi oleh Pelanggan Layak seperti terdapat dalam sistem HLB **SEKALI** pada bila-bila masa dalam waktu pejabat (9:00 pagi hingga 5:00 petang) untuk sesi Soal Jawab untuk menjawab sekurang-kurangnya **dua (2)** soalan dengan betul dalam rangka masa yang terpantas.
19. Jika Pelanggan Layak Ditapis gagal menjawab telefon selepas **lima (5)** deringan atas apa jua sebab sekalipun, atau jika sekiranya nombor telefon yang diberi oleh Pelanggan Layak Ditapis tidak tepat sama ada ketidaktepatan itu berpunca daripada kesilapan HLB atau Pelanggan Layak Ditapis, maka Pelanggan Layak Ditapis dianggap telah terlepas peluang menang dan Bank atau Dynamic Search akan mempunyai hak mutlak untuk memilih seorang lagi Pelanggan Layak Ditapis jika perlu. Oleh itu pada dasarnya Pelanggan berkewajipan untuk memberi nombor telefon yang terkini, sah dan tepat kepada Bank. Bank tidak bertanggungjawab jika sekiranya Dynamic Search tidak dapat menghubungi Peserta Ditapis untuk sesi Soal Jawab atas apa jua sebab sekalipun.
20. Pelanggan Layak Ditapis **TIDAK** akan diberitahu pada masa itu juga sama ada mereka Pemenang Hadiah Utama, Pemenang Hadiah Khas atau Pemenang Hadiah Angpau sebaik sahaja selesai sesi Soal Jawab.
21. Hanya **Tujuh Puluh Tujuh (77)** Pelanggan Layak Ditapis [**Hadiah Utama x 1, Hadiah Khas x 8, Hadiah Angpau x 68**] yang dapat menjawab paling banyak soalan dengan betul dalam rangka masa terpantas akan diumumkan sebagai pemenang Hadiah Utama, Hadiah Khas atau Hadiah Angpau (“Pemenang”). Jika sekiranya berlaku seri iaitu terdapat lebih daripada satu (1) Pelanggan Layak Ditapis yang berjaya menjawab paling banyak soalan dalam rangka masa terpantas, maka Pelanggan Layak Ditapis yang mempunyai Deposit Tambahan tertinggi sepanjang Tempoh Peraduan akan diisytiharkan sebagai Pemenang (sama ada Hadiah Utama, Hadiah Khas atau Hadiah Angpau).

Hadiah	Bilangan Pelanggan Ditapis
Hadiah Utama	1
Hadiah Khas	8
Hadiah Angpau	68
<b>Jumlah</b>	<b>77</b>

22. Setiap Pelanggan Layak Ditapis hanya berhak memenangi Hadiah Utama dan/atau Hadiah Angpau; atau Hadiah Khas dan/atau Hadiah Angpau sepanjang Tempoh Peraduan, tetapi bukan kedua-dua Hadiah Utama dan Hadiah Khas.
23. Jika sekiranya Akaun Sertaan ditutup atas apa jua sebab sekalipun pada atau sebelum **1 September 2018** (termasuk bila-bila masa dalam Tempoh Peraduan), maka Pemenang akan terlucut kelayakan daripada menerima Hadiah Utama atau Hadiah Khas, Hadiah Angpau atau Pemberian.

24. Pemenang akan diberitahu oleh Bank sama ada melalui surat, panggilan telefon, Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS"), dengan menyiar nama Pemenang dalam laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Web HLB"), laman web HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) ("Laman Web HLISB") atau apa-apa cara lain yang dianggap wajar oleh HLB tidak lewat daripada **1 September 2018**.  
Bank tidak akan bertanggungjawab jika sekiranya Bank tidak dapat memberitahu Pemenang atas apa jua sebab sekalipun dan sebarang permintaan/rayuan untuk mendapat pembayaran ganti Hadiah Utama / Hadiah Khas / Hadiah Angpau / Pemberian Peruntuk tidak akan dilayani sekiranya Pemenang tidak menghadiri majlis penyampaian hadiah disebabkan Pemenang tidak menerima pemberitahuan tersebut.
25. Pelanggan Layak Ditapis yang tidak menerima pemberitahuan tersebut daripada Bank sebelum **1 September 2018** dianggap **BUKAN** Pemenang.
26. Pemenang Hadiah Angpau dan Pelanggan Layak yang berhak mendapat Hadiah adalah bertanggungjawab memberitahu Bank melalui surat tidak lewat daripada **20 September 2018** jika tidak menerima Hadiah, jika gagal berbuat demikian, maka mereka akan dianggap telah menerima Hadiah daripada HLB dan permintaan untuk pembayaran ganti Hadiah tidak akan dilayani.
27. Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap kelewatian, Hadiah yang hilang, rosak atau dicuri dan Hadiah yang tak dituntut itu akan dilupuskan selepas **19 October 2018**.
28. Pemenang Hadiah Utama dan/atau Hadiah Khas mungkin diminta menghadiri majlis penyampaian hadiah, dan Bank akan memberitahu tentang tarikh, waktu dan tempatnya. Segala belanja pengangkutan, penginapan, peribadi dan apa-apa kos lain yang dialami berkaitan dengan kehadiran di majlis penyampaian hadiah akan ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama dan/atau Hadiah Khas.
29. Jika sekiranya Pemenang Hadiah Utama dan/atau Pemenang Hadiah Khas tidak dapat menghadiri majlis penyampaian Hadiah, maka Pemenang Hadiah Utama dan / atau Pemenang Hadiah Khas hendaklah memberi 7 hari notis awal bertulis kepada Bank berserta dengan surat asal kebenaran yang telah disempurnakan oleh Pemenang Hadiah Utama dan/atau Pemenang Hadiah yang membenarkan pihak ketiga menghadiri majlis penyampaian hadiah bagi pihak Pemenang Hadiah Utama dan/atau Pemenang Hadiah Khas, serta satu salinan Kad Pengenalan pihak ketiga yang dilantik itu, jika gagal berbuat demikian Hadiah-hadiah itu akan dilupuskan. Walaupun ada surat kebenaran asal yang disebut tadi, namun Bank berhak menolak pihak ketiga yang dilantik untuk menerima Hadiah Utama dan/atau Hadiah Khas bagi pihak Pemenang dan Pemenang hendaklah melantik pihak ketiga yang dianggap sesuai oleh Bank untuk menerima Hadiah Utama dan / atau Hadiah Khas bagi pihak pemenang, jika gagal berbuat demikian Bank berhak melupuskan Hadiah Utama / Hadiah Khas itu.
30. Pelanggan Layak Ditapis dengan ini memberi keizinan mereka dan membenarkan Bank untuk mendedahkan nama, nombor telefon dan alamat mereka kepada Dynamic Search bagi tujuan memilih Pemenang Peraduan.
31. Pemenang dengan ini memberi keizinan mereka dan membenarkan Bank untuk mendedahkan nama, nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka dalam media, bahan pemasaran atau pengiklanan bagi tujuan Peraduan.
32. Perkhidmatan SMS untuk Peraduan ini disediakan dan disokong oleh M3 Technologies (Asia) Berhad (482772-D) ("M3Tech"), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh Bank.

## **HADIAH UTAMA**

33. **Satu (1)** unit kondominium di Emerald Hills, Cheras, Kuala Lumpur ("Hadiah Utama") akan dihadiahkan untuk Peraduan ini.
34. Syarat dan terma Hadiah Utama adalah seperti berikut:
- Spesifikasi kondominium standard seperti ditentukan oleh GuocoLand (M) Bhd (**300-K**) sahaja, **TIDAK TERMASUK** apa-apa aksesori pilihan dan apa-apa lekapan dan lengkapan.
  - Spesifikasi kondominium sebenar yang diiklankan mungkin berbeza.
  - Hadiah Utama **TIDAK TERMASUK** akses, insurans, bayaran pendaftaran, bayaran pengendalian, bayaran pemprosesan, bayaran guaman, apa-apa duti setem tetapi tidak terhad kepada duti setem yang dialami untuk pindahan hak milik Hadiah Utama kepada Pemenang Hadiah Utama, cukai tanah dan cukai taksiran berkaitan dengan Hadiah Utama, penyelenggaraan dan caj dana terikat, apa-apa deposit (termasuk tetapi tidak terhad kepada deposit bekalan air, elektrik dan penyelenggaraan), perbelanjaan peribadi dan apa-apa kos sampingan lain berkaitan dengan penerimaan Hadiah Utama hendaklah ditanggung oleh Pemenang Hadiah Utama.

- (d) Pemenang Hadiah Utama mestilah menuntut (termasuk tetapi tidak terhad kepada penyempurnaan perjanjian/ surat cara berkaitan dengan GuocoLand (M) Bhd), mendaftar dan membayar apa-apa fi dan caj dengan penuh seperti ditetapkan oleh **GuocoLand (M) Bhd (300-K)** dan/atau pejabat pengurusan Hadiah Utama dalam masa satu (1) bulan selepas pemenang diumumkan, jika tidak Hadiah itu akan dilupuskan.
35. Hadiah Utama yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Bank berhak menggantikan Hadiah Utama dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal.
36. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah Utama dalam apa-apa bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan sahaja dan bukanlah menjadi sebahagian Hadiah Utama.
37. Hadiah Utama tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak **ketiga (ke-3)** dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barang.
38. Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah Utama. Pemenang Hadiah Utama hendaklah berurus secara langsung dengan **GuocoLand (M) Bhd** untuk segala maklumat waranti.
39. Pemberian Hadiah Utama adalah atas dasar "sebagaimana ada" dan spesifikasinya ditentukan semata-mata oleh GuocoLand (M) Bhd. dan apa-apa permintaan atau rayuan untuk menukar warna / spesifikasi / lekapan dan lengkapan (jika ada) / model / unit Hadiah Utama tidak akan dilayani. Pemenang Hadiah Utama hendaklah berurus secara langsung dengan GuocoLand (M) Bhd. untuk maklumat selanjutnya tentang Hadiah Utama, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang kecacatan atau tuntutan mengenai Hadiah Utama, tanpa meminta bantuan Bank.
40. Pemenang Hadiah Utama hendaklah menyempurnakan segala dokumen yang diperlukan (termasuk tetapi tidak terhad kepada perjanjian dan/atau Memorandum Pindah Milik dalam Borang 14A Kanun Tanah Negara untuk pemindahan hak milik Hadiah Utama kepada Pemenang Hadiah Utama) dan membayar segala caj berkenaan dalam tempoh masa yang ditentukan oleh GuocoLand (M) Bhd atau pihak-pihak berkuasa berkenaan yang lain, jika gagal berbuat demikian maka Hadiah Utama akan dilupuskan dan sebarang permintaan atau pertikaian mengenai tuntutan Hadiah Utama tidak akan dilayani oleh Bank.
41. Jika sekiranya pemindahan hak milik Hadiah Utama kepada Pemenang Hadiah Utama tertakluk kepada kelulusan oleh pejabat pendaftaran atau pihak berkuasa tanah berkenaan / Keizinan Pihak Berkuasa Negeri diperlukan ("Keizinan Pindah Milik"), Bank tidak akan bertanggungjawab untuk mendapatkan Keizinan Pindah Milik itu dan pada dasarnya Pemenang Hadiah Utama adalah berkewajipan untuk berhubung dengan pihak pejabat pendaftaran atau pihak berkuasa tanah berkenaan / Keizinan Pihak Berkuasa Negeri dan / atau GuocoLand (M) Bhd. untuk mendapatkan Keizinan Pindah Milik tersebut dan membayar segala caj berkenaan bagi Keizinan Pindah Milik tersebut.
42. Pemenang Hadiah Utama hendaklah juga mematuhi segala syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh GuocoLand (M) Bhd (termasuk tetapi tidak terhad kepada terma dan syarat yang dibentangkan dalam perjanjian antara GuocoLand (M) Bhd dengan Pemenang Hadiah Utama), pejabat pengurusan Hadiah Utama dan / atau pihak-pihak berkuasa berkenaan yang lain berkaitan dengan Hadiah Utama.
43. Pemenang Hadiah Utama akan dipertanggungjawabkan dan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang bekenaan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Pertaduan dan pemindahan hak milik Hadiah Utama kepada Pemenang Hadiah Utama.
44. Jika sekiranya terdapat apa-apa kecacatan berhubung dengan Hadiah Utama, maka Pemenang Hadiah Utama dengan ini bersetuju tidak akan mempertanggungjawabkan HLB terhadap apa-apa kerugian, tuntutan, penghakiman, penyelesaian, ganti rugi dan liabiliti (termasuk fi peguam) berhubung dengan Hadiah Utama.

## **HADIAH KHAS**

45. Lapan (8) unit kerusi urut OSIM uLove ("Hadiah Khas") akan dihadiahkan untuk Peraduan.
46. Hadiah Khas yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak dan/atau laman web adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Bank berhak untuk menggantikan Hadiah Khas dengan produk, model, jenis, jenama, reka bentuk atau warna lain yang sama nilainya dengan memberi notis awal.

47. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah Khas dalam mana-mana bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan sahaja dan bukanlah menjadi sebahai Hadiah Khas.
48. Hadiah Khas tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak **ketiga (ke-3)** dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barang.
49. Bank tidak memberi representasi atau waranti berkenaan kualiti atau kesesuaian Hadiah Khas. Pemenang Hadiah Khas hendaklah berurus secara langsung dengan **OSIM (M) Sdn Bhd** untuk segala maklumat waranti.
50. Pemberian Hadiah Khas adalah atas dasar "sebagaimana ada" dan apa-apa pemintaan atau rayuan untuk menukar warna / spesifikasi / model Hadiah Khas tidak akan dilayani. Pemenang Hadiah Khas hendaklah berurus secara langsung dengan **OSIM (M) Sdn. Bhd.** dan/atau syarikat pembuat untuk segala maklumat waranti dan tuntutan tanpa meminta bantuan Bank. Bank juga tidak bertanggungjawab jika sekiranya Hadiah Khas itu cacat dan Pemenang Hadiah Khas hendaklah berurus secara langsung dengan OSIM (M) Sdn. Bhd. supaya membetulkan kecacatan tersebut.
51. Bagi mengelakkan keraguan, jika sekiranya ada caj tambahan dikenakan berhubung dengan penghantaran hadiah khas kepada Pemenang Hadiah Khas, maka caj/kos tambahan ini akan ditanggung oleh Pemenang Hadiah Khas.

#### **HADIAH ANGPAU**

52. Bersempena dengan Kempen Tahun Baharu Cina 2018, sebanyak 68 unit RM888 angpau ("Angpau") akan dibahagi-bahagikan mulai **22 Januari 2018 hingga 28 Februari 2018**, termasuk kedua-dua tarikh ("Bulan Penggalak"), melainkan diberitahu sebaliknya.
53. Jumlah Angpau yang akan dikeluarkan bagi pembayaran Bulan dihadkan setakat **Ringgit Malaysia Enam Puluh Ribu Tiga Ratus Lapan Puluh Empat sahaja (RM60,384.00)** bagi 68 Pemenang Hadiah Angpau dalam Peraduan ini.
54. Akaun Sertaan baharu atau sedia ada Pemenang Hadiah Angpau mestilah kekal dibuka, aktif dan sah dengan baki akaun minimum **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)** hingga **31 May 2018** bagi tujuan pengkreditan Angpau, jika tidak, Pemenang Hadiah Angpau akan terlucut kelayakan daripada menerima Angpau dan Angpau itu akan dilupuskan.
55. Angpau akan dikreditkan ke dalam akaun sertaan baru dibuka atau sedia ada Pemenang Hadiah Angpau tidak lewat daripada **31 May 2018**. Namun begitu, Bank tidak akan bertanggungjawab terhadap kelewatan mengkreditkan Angpau.
56. Para Pemenang Hadiah Angpau yang telah menerima pemberitahuan tersebut adalah bertanggungjawab memberitahu Bank melalui surat tidak lewat daripada **1 September 2018** sekiranya tidak menerima Angpau, jika gagal berbuat demikian, maka mereka akan dianggap telah menerima Angpow daripada Bank dan sebarang permintaan mendapatkan pembayaran ganti Angpau tidak akan dilayani oleh Bank.

#### **PEMBERIAN PERUNTUK**

57. Sebagai tambahan bagi Hadiah di atas, Pelanggan mungkin dapat pemberian peruntuk ("Pemberian"), subjek kepada klause 58 di bawah. Pemberian Peruntuk terbuka kepada Akaun Sertaan bagi Akaun Semasa dan Akaun Simpanan Konvensional HLB ("CASA") sahaja.

58. Supaya berhak menerima Pemberian, Pelanggan dikehendaki memperuntuk deposit mereka selama **empat (4)** bulan berturut-turut ("Tempoh Peruntuk") dalam Tempoh Peraduan. Kelayakan bagi pemberian serta Amaun Peruntuk masing-masing adalah seperti berikut:

Bil	Pemberian Peruntuk	Amaun Peruntuk Minimum (RM)	Jumlah Pemberian Diperuntuki (Unit)
1	Set Kanister Blok 3 buah Glasslock	5,888.00	1,000
2	Set Minum 3 buah Glasslock	8,888.00	800
3	Set Ketuhar 2 buah Glasslock	10,888.00	500

59. Sejumlah **dua ribu tiga ratus (2,300)** unit Pemberian disediakan bagi Peraduan ini dan Pemberian dibahagi-bahagikan atas dasar siapa cepat dia dapat, tertakluk kepada ketersediaan stok, dan terhad kepada satu (1) Pemberian bagi setiap Pelanggan tanpa mengira jumlah amaun deposit yang diletakkan dalam Akaun Sertaan sepanjang Tempoh Peraduan.

60. Pelanggan akan diberitahu oleh HLB sama ada melalui surat, telefon atau penyiaran senarai Pelanggan Layak yang berkelayakan dalam laman web HLB tidak lewat daripada 1 September 2018 ("Tarikh Pemberitahuan") untuk mengambil Pemberian daripada cawangan bank asal masing-masing.

61. Pelanggan bertanggungjawab untuk mengambil Pemberian daripada cawangan bank asal masing-masing dalam masa **satu (1)** bulan dari Tarikh Pemberitahuan, jika tidak, Pemberian itu akan dilupuskan.

62. Pemberitahuan dengan cara menyiarkannya dalam laman web di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) ("Laman Web HLB") akan diberi jika sekiranya stok Pemberian habis.

63. HLB tidak boleh dipertanggungjawabkan sama sekali terhadap pemberian yang hilang, koyak, rosak atau dicuri dan sebarang permintaan untuk mendapat gantian Pemberian tidak akan dilayani oleh HLB.

64. Amaun Deposit Peruntuk tidak boleh ditarik keluar (sebahagian atau keseluruhan) dalam Tempoh Peruntuk atas apa juar sebab sekalipun.

## UMUM

65. Dengan menyertai Peraduan, Pelanggan:

- (i) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Peraduan;
- (ii) bersetuju bahawa Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong bagi CASA Hong Leong dan Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), atau apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh Bank dari semasa ke semasa, hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan. Jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat percanggahan tersebut;
- (iii) bersetuju dan membenarkan Bank untuk mendedahkan nombor telefon bimbit mereka kepada Dynamic Search dan M3tech bagi tujuan Peraduan;
- (iv) bersetuju bahawa Hadiah dan Pemberian tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga (ke-3) dan tidak boleh ditukar untuk kredit muka, cek atau manfaat barang;
- (v) bersetuju bahawa keputusan Bank atas semua hal berkaitan dengan Peraduan adalah muktamad dan mengikat ke atas seluruh Pelanggan Layak (termasuk tetapi tidak terhad kepada penentuan Pemenang dan Pelanggan Layak yang akan berhak menerima Hadiah dan Pemberian) dan sebarang surat-menyerat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan Bank tidak akan dilayani; dan
- (vi) bersetuju untuk mengakses Laman Web Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat Peraduan dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.

66. Bank berhak:

- (i) menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian, termasuk tetapi tidak terhad kepada penggantian Hadiah dan Pemberian

dengan tawaran atau produk lain yang sama nilainya menurut budi bicara mutlaknya, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web Bank dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari, atau dengan apa-apa cara lain yang Bank anggap sesuai;

- (ii) menukar, menambah, membatal atau menggantikan mana-mana atau kesemua Hadiah dan Pemberian dengan produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
- (iii) menentukan atas budi bicara mutlaknya siapakah yang akan menjadi Pemenang jika berlaku seri sepertimana dinyatakan dalam Fasal 21 di atas;
- (iv) melucutkan kelayakan mana-mana Pelanggan Layak atas apa jua sebab sekalipun, yang Bank anggap wajar menurut budi bicara mutlaknya, daripada menyertai Peraduan dan/atau layak menerima Hadiah dan Pemberian; dan
- (v) melupuskan Hadiah dan Pemberian jika sekiranya Pelanggan Layak tidak mematuhi Terma & Syarat di dalam ini dan Terma dan Syarat Am Akaun Hong Leong bagi CASA Hong Leong, Akaun Semasa-i dan Akaun Simpanan-i Hong Leong (Tawarruq CASA-i), dan semua undang-undang / peraturan berkenaan.

67. Pelanggan Layak adalah dipertanggungjawabkan dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang dikenakan kepada mereka menurut undang-undang berkenan, jika ada, berkaitan dengan penyertaan dalam Peraduan.

68. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

69. Perkataan yang menandakan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menandakan tunggal termasuk jamak dan begitu juga sebaliknya.

**CASA-i Hong Leong layak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (“PIDM”).**

**Lampiran 1**

Bil.	Kod	Nama Dana	Jenis Asst	Caj Jualan Minimum
1	AM02	AmGlobal Property Eq	Ekuiti	5.00%
2	AM03	AmSchroder European Equity Alpha	Ekuiti	5.00%
3	AM05	AmPan European Property Equities	Ekuiti	5.00%
4	AM25	AMASIA PACIFIC REITS	Ekuiti	5.00%
5	AM33	AmAsia Pacific REITs Plus	Ekuiti	5.00%
6	AM34	AmConservative	Pendapatan	3.00%
7	AM35	Global Dividend	Ekuiti	5.00%
8	CIMB01	CIMB-Principal Global Titans	Ekuiti	5.50%
9	CIMB04	CIMB-Principal Greater China Equity	Ekuiti	5.50%
10	CIMB07	CIMB-Principal China-India-Indonesia Eq	Ekuiti	5.50%
11	CIMB10	CIMB-Principal Equity	Ekuiti	6.50%
12	CIMB18	CIMB-Principal Equity Income	Ekuiti	6.50%
13	CIMB19	CIMB-Principal Inc Plus Balanced	Aset Campuran	5.00%
14	CIMB29	CIMB-Principal Asia Pacific Dynamic Inc	Ekuiti	5.50%
15	HLG01	Hong Leong Growth	Ekuiti	6.00%
16	HLG02	Hong Leong Penny Stock	Ekuiti	6.00%
17	HLG04	Hong Leong Consumer Products Sector	Ekuiti	6.00%
18	HLG10A	Hong Leong Bond	Bon	4.00%
19	HLG11	Hong Leong Balanced	Aset Campuran	6.00%
20	HLG14	Hong Leong Dividend	Ekuiti	5.00%
21	HLG15	Hong Leong Strategic	Ekuiti	6.00%
22	HLG37	Hong Leong HK Equity Optimizer	Ekuiti	5.50%
23	HLG40	Hong Leong Regular Income	Pendapatan	3.00%
24	HWA01	Affin Hwang Select Opportunity	Ekuiti	5.50%
25	HWA03	Affin Hwang Select Balanced	Aset Campuran	5.50%
26	HWA07	Affin Hwang Select Income	Pendapatan	3.00%
27	HWA11	Affin Hwang Sel AsaPac exJpn REITs&Infra	Ekuiti	5.50%
28	HWA17	Affin Hwang Select AUD Income - MYR	Pendapatan	3.00%
29	HWA18	Affin Hwang Select Dividend	Ekuiti	5.50%
30	HWA25	Affin Hwang Select Asia (ex Japan) Opp	Ekuiti	5.50%
31	HWA26	Affin Hwang Select SGD Income - MYR	Pendapatan	3.00%
32	HWA28	Affin Hwang Japan Growth	Ekuiti	5.50%
33	OSK02	RHB Small Cap Opportunity Unit Trust	Ekuiti	6.38%
34	OSK09	RHB Smart Treasure	Ekuiti	5.26%
35	OSK10	RHB Smart Balanced	Aset Campuran	5.26%
36	OSK12	RHB Growth & Income Focus	Aset Campuran	5.26%
37	OSK16	RHB Resources	Ekuiti	5.26%
38	OSK21	RHB Thematic Growth	Ekuiti	5.00%
39	OSK24	RHB Asian Growth Opportunities	Ekuiti	5.00%

40	OSK30	RHB Energy		Ekuiti	5.00%
41	OSK31	RHB Gold and General		Ekuiti	5.50%
42	OSK34	RHB US Focus Equity		Ekuiti	5.50%
43	OSK40	RHB Multi Asset Regular Income	Aset Campuran	5.00%	
44	OSK43	RHB Asian Income	Pendapatan	5.50%	
45	OSK45	RHB GoldenLife 2020	Aset Campuran	6.00%	
46	OSK46	RHB GoldenLife 2030	Ekuiti	6.00%	
47	PRU02	Eastspring Investments Growth	Ekuiti	5.26%	
48	PRU03	Eastspring Investments Balanced	Aset Campuran	5.26%	
49	PRU10	Eastspring Investments Equity Income	Ekuiti	5.00%	
50	PRU11	Eastspring Investments Global Leaders MY	Ekuiti	5.00%	
51	PRU15	Eastspring Investments Global Basics MY	Ekuiti	6.00%	
52	PRU23	Eastspring Investments MY Focus	Ekuiti	5.00%	
53	PRU26	Eastspring Inv Global Emerging Markets	Ekuiti	6.00%	
54	TA03	TA European Equity	Ekuiti	5.50%	
55	TA04	TA Asian Dividend Income	Ekuiti	5.50%	
56	TA05	TA Global Technology	Ekuiti	5.50%	
57	TA10	TA GROWTH	Ekuiti	5.50%	